

19/03/2004

Senario kali ini banyak berubah

Kalimullah Hassan

DETIK itu dipenuhi kemarahan, selain diwarnai dengan pelbagai tindakan tidak rasional. Dalam banyak keadaan, kawan bertukar menjadi lawan. Mimbar bertukar menjadi gelanggang menimbulkan kebencian, manakala jalan raya berubah kepada medan pertentangan yang ada kalanya mencetuskan keganasan.

Bagaimanapun, 1998 dan 1999 sudah berlalu. Keadaan hari ini jauh lebih tenang dari dulu. Perkataan 'reformasi' tidak lagi dilaungkan. Demonstrasi setiap Sabtu yang memaksa perniagaan di ibu negara ditutup, juga sudah lama berlalu.

Ingatan terhadap suasana huru-hara itu kekal sebagai contengan di dinding awam dan lorong belakang di Bangsar. Imej mata lebam yang pernah dijaja masih timbul sekali sekala. Namun bagi sebahagian besar rakyat Malaysia, luka detik hitam itu semakin sembuh seperti juga lebam di mata sudah lama surut.

Itulah senario yang melatari pembubaran Parlimen pada 4 Mac lalu. Dalam suasana penuh ketenangan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berusaha mendapatkan mandat sulungnya sebagai pemimpin Malaysia.

Sejak beberapa tahun lalu, khususnya beberapa minggu menjelang Pilihan Raya Umum ke-11, ramai individu yang sebelum ini menjadi tunjang era selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dan ketika krisis kewangan dulu, beransur-ansur hilang dari pandangan atau merentasi jambatan untuk pulang ke pangkuan Umno.

Dr Chandra Muzaffar, peguam Zainur Zakaria, Ruslan Kassim, Hanafiah Man dan ramai ahli pertengahan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang menganjurkan pelbagai demonstrasi dan bantahan di samping turut menjadi suara parti itu kepada dunia luar, mulai menghentikan perbuatan mereka.

Sebahagian besarnya kini sudah berada bersama parti yang dulunya ditentang habis-habisan.

Rakyat biasa yang meluahkan kemarahan menerusi peti undi pada pilihan raya 1999 dan pada satu ketika berpakaian ala pemberontak, kini melihat Malaysia dari sudut pandangan berbeza.

Barisan alternatif tampil hanya sebagai tiruan terhadap pakatan yang ingin digantinya. Beberapa bulan selepas pilihan raya 1999, DAP berpisah dengan Pas kerana tidak bersetuju dengan agenda penubuhan negara Islam yang diperjuangkan parti itu.

Tidak lama selepas itu, DAP turut mengasingkan diri daripada Keadilan atas alasan parti baru itu cuba memaksa DAP mengikut segala kehendaknya.

Malah, keakraban antara Keadilan dan Pas juga mulai kendur berikutan pertelagahan kedua-dua parti dalam menentukan pengagihan kerusi bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-11. Individu yang menjadi titik pertemuan kedua-dua parti iaitu Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang juga rakan rapat Anwar, meninggal dunia dua tahun lalu dan diganti oleh Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Tidak seperti Allahyarham Fadzil, Abdul Hadi tidak mempunyai banyak persamaan dengan Anwar atau perjuangannya. Justeru, pertemuan kedua-dua pemimpin parti itu yang pernah menjadi tumpuan umum, tidak lagi diadakan sekerap sebelumnya.

Pada hari penamaan calon, parti pembangkang cuba membentuk pakatan ampuh. Di beberapa kawasan, mereka dapat mewujudkan pertandingan satu lawan satu tetapi kejayaan Barisan Nasional (BN) memenangi 14 kerusi Parlimen dan tujuh kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) tanpa bertanding membuktikan betapa bercelarunya pakatan pembangkang.

Ini ditambah dengan kenyataan Abdul Hadi yang membidas Pengerusi DAP, Lim Kit Siang dan timbalannya, Karpal Singh sebagai 'ubat yang luput tempoh' yang kemudian dibalas Lim dengan kenyataan yang tidak kurang pedasnya.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengkritik pegangan politik Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, dan enggan menerimanya sebagai calon Keadilan bagi kerusi Parlimen Kota Bharu.

Tersinggung dengan kenyataan itu, Syed Husin menarik diri daripada bertanding dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kemudiannya membidas Nik Abdul Aziz.

Beberapa hari berikutnya, BN memenangi satu lagi kerusi Parlimen apabila calon Pas yang menentang Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, di Kota Tinggi, Abu Bakar Sakak, menarik diri daripada pertandingan. BN turut memenangi empat kerusi DUN di Sabah dan Johor dengan cara sama.

Buat pertama kali dalam sejarah, Pas memenangi satu kerusi tanpa bertanding di Johor yang diperolehi berikutan kesalahan teknikal di pihak BN.

Kempen bermula dengan penuh bertenaga tetapi parti pembangkang belum dapat mengulangi suasana berkobar-kobar seperti yang dilaluinya pada 1999. Ia tidak akan berlaku dalam tempoh singkat ini.

Pada ketika perpecahan di kalangan parti pembangkang semakin teruk, BN pula menjadi bertambah kukuh dari sehari ke sehari, berbanding apa yang diharunginya pada 1999.

Kerjasama dua parti Cina terbesar - MCA dan Gerakan - turut membuktikan hubungan komponen BN itu kini beralih ke landasan baru yang akan menguntungkan.

Hari ini, buat pertama kali dalam sejarah, mereka mengadakan sambutan bersama Tahun Baru Cina selain majlis perjumpaan perpaduan dan akan berkempen bersama. MCA sudah melalui pertukaran pucuk pimpinan daripada Datuk Seri Dr Ling Liong Sik kepada Datuk Seri Ong Ka Ting.

Isu-isu yang wujud antara Ling dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik kini tidak wujud lagi dalam hubungan antara Ong dan Lim.

Parti Bersatu Sabah yang menentang BN pada 1999, menyertai semula gabungan parti pemerintah itu dua tahun lalu dan kini menikmati kepulangannya sebagai antara sekutu terkuat Umno dalam kerajaan Sabah.

Ekonomi sudah pulih dan sedang meningkat. Pertumbuhan tahun lalu melampaui unjuran asal dan dijangka bertambah baik lagi pada 2004. Umno melalui pertukaran kuasa yang licin daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah dan semua ramalan akan wujud ketidaktentuan terhapus begitu saja dalam tempoh empat bulan kepemimpinan Perdana Menteri baru.

Memang diakui wujud masalah, malah di dalam BN sendiri. Umno menghadapi pertarungan sengit bagi mengembalikan pengaruh di Kelantan tetapi Pas sendiri akur bahawa prestasi BN tidak mungkin lebih buruk berbanding 1999.

Masih ada lagi individu di Kelantan dan Terengganu yang lebih rela membiarkan parti tenggelam kerana ego mereka tercabar. Pada hakikatnya, inilah pertelingkahan dalaman yang menyaksikan Umno kalah kepada Pas di Kelantan pada 1990. Jadi apa lagi yang baru.

Biar apa pun, suntikan darah muda menerusi tokoh profesional seperti Datuk Awang Adek Hussin, Datuk Zaid Ibrahim dan Datuk Mustapa Mohamed yang mudah didekati, tanpa dibelenggu isu yang berbangkit pada 1999, Umno Kelantan mempunyai harapan lebih baik melemahkan penguasaan Pas di negeri itu.

Seperti itu juga di Terengganu, selepas menjalani hidup sebagai kumpulan yang kalah, pemimpin Umno negeri bertungkus lumus cuba meraih kembali keyakinan pengundi. Mereka kini dalam kedudukan yang lebih kuat dengan harapan memenangi lebih banyak kerusi, baik pada peringkat Parlimen atau negeri.

Di Kedah, perpecahan yang wujud akibat pertukaran pucuk pimpinan secara tergesa-gesa daripada Tan Sri Osman Aroff berpindah kepada Tan Sri Sanusi Junid pada pertengahan 1990-an menunjukkan kesannya pada 1999. Ini dilemahkan lagi dengan isu berbangkit pada 1999 yang menyebabkan Umno Kedah menerima tamparan hebat sehingga nyaris dinafikan majoriti untuk menerajui kerajaan negeri.

Pilihan raya umum kali ini menyaksikan penampilan beberapa muka baru yang lebih disenangi di Kedah. BN sudah diperkukuhkan. Sudah pasti prestasinya lebih baik berbanding 1999. Jika ada keseimbangan, sekurang-kurangnya kedudukan selepas pilihan raya 1999 dapat dipertahankan.

Namun, dalam tempoh empat bulan lalu, parti pembangkang sudah merasai angin perubahan yang semakin kencang dan menyedari tidak banyak tempat untuk berteduh.

Abdullah membingungkan penganalisis serta mereka yang meragui dasar yang dipelopori atau pendekatannya yang berbeza. Walaupun majoriti rakyat Malaysia menyayangi Dr Mahathir, seperti yang terserlah apabila tempoh persaraannya semakin hampir, Abdullah pula berjaya menyentuh hati masyarakat dalam cara yang berbeza.

Tidak ada serangan peribadi terhadap mana-mana pemimpin pembangkang atau pertembungan kasar dengan pertubuhan tertentu.

Abdullah menangani isu rasuah yang semakin berleluasa dengan pendakwaan beberapa tokoh kenamaan, sekali gus mengembalikan sedikit keyakinan terhadap pasukan polis menerusi pelantikan baru Ketua Polis serta timbalannya.

Beliau juga cuba memperbaiki mutu perkhidmatan awam, mengurangkan kerenah birokrasi dan meningkatkan kecekapan sektor awam selain mengamalkan pengurusan kewangan berhemah dengan membatalkan projek kos tinggi dan pada masa yang sama, memacu sektor pertanian sebagai penjana sumber kekayaan.

Abdullah turut membina semula hubungan dengan negara asing dengan penampilan yang peramah dan jujur tanpa sebarang agenda tersembunyi.

Mungkin kebanyakan dasar beliau belum membuahkan hasil. Mungkin sesetengahnya akan terbantut separuh jalan sebelum diberi nafas baru. Ada banyak kemungkinan tetapi pada saat ini, sebahagian besar penduduk Malaysia terpicat dengan Perdana Menteri baru yang kekal dengan perwatakan 'Mr Nice Guy' sepanjang 35 tahun dalam perkhidmatan awam.

Tempoh amarah nampaknya sudah berlalu. Angin perubahan yang dibawa Abdullah menjadikannya senjata terbaik BN. Oleh kerana semuanya tidak seimbang bagi pembangkang, sebenarnya tidak perlu dipersoalkan lagi sama ada BN akan mengekalkan kemenangan majoriti dua pertiga. Sebaliknya persoalan sekarang ialah setakat mana pertambahan kemenangan BN.